

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : "MAJLIS PELANCARAN 'ANTOLOGI 20 CERPEN KARYA 20 PENULIS WANITA MALAYSIA'"
Lokasi : DEWAN PARLIMEN RAKYAT, BEIJING
Tarikh : 16-06-1993

Encik Sun Qimeng, Naib Pengerusi Kongres Perwakilan Rakyat China; Encik Liu Deyou, Timbalan Menteri Kebudayaan China; Yang Berbahagia Dato' Noor Adlan bin Yahayudin, Duta Besar Malaysia; Yang Berbahagia Dato' Haji Abdul Rahim Bakar, Pengerusi Lembaga Pengelola, Dewan Bahasa dan Pustaka; Dif-dif Kehormat; Tuan-tuan dan puan-puan, Saya mengucapkan terima kasih kepada pihak penganjur kerana memberi penghormatan kepada saya untuk melancarkan 'Antologi 20 Cerpen Karya 20 Penulis Wanita Malaysia' yang telah diterjemahkan ke dalam Bahasa Mandarin pada hari ini.

Saya mengucapkan tahniah kepada Dewan Bahasa dan Pustaka dan Modern Press Beijing atas daya usaha mereka yang murni ini untuk memperkenalkan hasil karya penulis-penulis wanita Malaysia di kalangan pembaca Republik Rakyat China.

2. Apabila matahari terbit pada pagi ini, ia bukan sahaja menandakan munculnya hari baru, tetapi juga menyaksikan satu babak baru dalam hubungan penerbitan dan satera di antara Republik Rakyat China dengan Malaysia.

3. Beratus-ratus tahun sebelum ini, beberapa karya sastera Melayu klasik telah mengisahkan pertembungan manusia dan budaya Melayu dengan manusia dan budaya China. Begitu juga sebaliknya, beberapa perihal alam Melayu telah dicatatkan oleh pelayar-pelayar China.

4. Ini bermakna, antara kedua-dua bangsa telah lama berkenalan dan telah lama menjalin hubungan perniagaan.

Hubungan yang lama dan berterusan itu telah memudahkan hubungan dua hala di antara Malaysia dengan Republik Rakyat China di zaman moden ini.

5. Apabila kita menyentuh tentang manusia budaya, perdagangan dan sebagainya, kita akan menyedari bahawa sumbangan kaum wanita amatlah penting. Kaum wanita mempunyai peranan serta kedudukan tertentu dalam masyarakat.

Pepatah Melayu ada menyebut: "Kasih Ibu Membawa ke Syurga" -- yang bermakna seseorang ibu sanggup berbuat apa sahaja demi kesejahteraan anak-anaknya. Pepatah China pula ada menyebut "Dunia bermula dari buaian ibu".

6. Suara kaum wanita semakin jelas dan terpengaruh dalam kehidupan hari ini, termasuk dalam kesusasteraan sesuatu bangsa.

Tuan-tuan dan puan-puan,

7. Pada hari yang bersejarah ini, dengan tangan serta hati terbuka, saya membawakan suara serta manifestasi 20 penulis wanita Malaysia dalam antologi cerpen yang akan dilancarkan ini.

8. Hampir semua mereka menulis selepas kemerdekaan Malaysia pada tahun 1957. Mereka adalah penulis wanita kontemporari yang penting. Suara dan manifestasi mereka penuh dengan harapan membina penghidupan yang bererti.

9. Saya mengucapkan tahniah kepada Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia dan Modern Press Beijing kerana kerjasama mereka dalam mengutarakan manifestasi penulis-penulis wanita ini.

10. Saya difahamkan, Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia baru sahaja menerbitkan antologi cerpen berjudul Rakyat Sahni.

Antologi ini memuatkan 20 cerpen karya 20 penulis wanita Republik Rakyat China.

11. Melalui antologi cerpen ini, kita juga dapat menanggapi manifestasi penulis-penulis wanita Republik Rakyat China yang penting.

12. Bagi saya, saya seolah-olah melihat jambatan manifestasi wanita yang sangat panjang, terentang dari pantai kehidupan Malaysia hingga ke pantai kehidupan negara China.

13. Yang sangat menggembirakan saya, jambatan manifestasi itu dibina daripada jejari halus serta daya kreatif wanita.

14. Jambatan tersebut adalah untuk laluan semua insan yang mahu mencari erti persahabatan dan makna kemanusiaan sejagat.

Tuan-tuan dan puan-puan,

15. Di saat yang bersejarah pada hari ini, di Dewan yang mulia ini, saya ingin mengajak para hadirin mendekati jambatan manifestasi itu, dengan melancarkan secara rasmi 'Antologi 20 Cerpen Karya 20 Penulis Wanita Malaysia'.

Terima kasih.